

3 JAN 1996

Orkestra

PEMAIN PIANO M'SIA SERTAI PERSEMBAHAN ORKESTRA SIMFONI LATVIA

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Pemain piano Malaysia Ong Khai Weyn akan menyertai Orkestra Simfoni Latvia yang mengadakan persembahan dua minggu di negara ini bermula Jumaat ini.

Ong, 17, akan juga mengadakan persembahan solo semasa konsert gala oleh orkestra itu pada Jumaat malam yang dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang juga penaung bagi konsert itu.

Hasil kutipan daripada konsert itu akan didermakan kepada badan-badan amal di Malaysia dan Latvia, kata Pengurus Perhubungan Kumpulan Penerbangan Malaysia (MAS) Md Yasin Bachik pada persidangan berita di sini hari ini.

MAS adalah penaja utama bagi orkestra itu dan konsert di sini akan dipancarkan secara langsung ke Hong Kong, Boston, Frankfurt dan Nurnberg di Jerman menerusi Sistem Rangkaian Digital Bersepadu (ISDN).

Md Yasin berkata ini merupakan konsert muzik yang pertama dipancarkan menerusi ISDN.

Empat puluh anggota orkestra itu tiba semalam diketuai pemimpin orkestra terkemuka Latvia Imants Resnis.

Mereka akan mengadakan dua konsert di Sarawak -- di Kuching pada 9 Jan dan Batang Ai pada 11 Jan -- dan satu di Johor Baharu pada 16 Jan.

Orang ramai boleh melihat persembahan orkestra itu pada konsert siang di Kuala Lumpur Hilton pada 6 Jan. Tiket berharga RM70 dan RM50 bagi orang dewasa, RM20 bagi pelajar yang mempunyai kad matriks dan RM10 bagi mereka yang memakai baju sekolah.

Penaja bersama orkestra itu ialah National Panasonic Technics, Philips, Pelancongan Malaysia dan Lembaga Pelancongan Sarawak. -- BERNAMA